

19/04/1997

Exco disiasat boleh kekalkan jawatan

JITRA, Jumaat - Lapan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang sedang disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak perlu meletakkan jawatan kerana dakwaan terhadap mereka belum dibuktikan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, mereka tidak perlu mencontohi keputusan Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang meletakkan jawatan Menteri Besar Selangor sehingga terbukti bersalah.

Beliau berkata, pelbagai masalah akan timbul jika seseorang itu didapati bersalah hanya berdasarkan kepada tuduhan sehingga perlu meletakkan jawatan.

"Saya tidak nampak mengapa mereka patut ikut langkah Muhammad. Dia meletakkan jawatan kerana terbabit dalam skandal yang diketahui umum.

"Dalam kes ini (Exco), ia dalam siasatan BPR. Badan itu tidak boleh buat keputusan seseorang itu bersalah semata-mata ada tuduhan.

"Kalau ada tuduhan surat layang maka orang itu salah, saya ingat kacau (masalah). Saya pun banyak orang tuduh," katanya kepada pemberita selepas majlis rumah terbuka Aidiladha di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Lebih 5,000 orang pelbagai kaum menghadiri rumah terbuka beliau itu.

Perdana Menteri diminta mengulas cadangan Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng, yang mahu lapan Exco terbabit meletak jawatan masing-masing seperti yang dilakukan bekas Menteri Besar Selangor.

Penyiasatan BPR terhadap lapan Exco terbabit didedahkan Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Azmi Khalid, di Dewan Rakyat pada 9 April lalu ketika menjawab soalan Guan Eng.

Lapan Exco terbabit ialah tiga dari Melaka dan masing-masing satu dari Johor, Pahang, Sabah, Kedah dan Selangor.

Siasatan terhadap mereka membabitkan pelbagai tuduhan termasuk rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa mengenai tanah, pembelian serta kelulusan mendapatkan kontrak tertentu kerajaan.

Siasatan dimulakan sejak 1995 berdasarkan laporan polis dan individu yang diterima pihak berkuasa.

Ketika meminta mereka meletakkan jawatan, antara lain, Guan Eng berkata adalah lebih baik mereka berbuat demikian sehingga BPR selesai menyiasat.

Menurutnya, orang ramai tidak faham mengapa lapan Exco terbabit tidak melepaskan jawatan seperti Muhammad.

Baru-baru ini, Muhammad dalam kenyataannya mahu peletakan jawatannya dijadikan contoh kepada pemimpin politik atau pegawai kerajaan yang bermasalah pada masa akan datang.

Beliau berharap ia akan menjadi budaya baru di kalangan ahli politik serta pemimpin kerajaan yang mempunyai masalah supaya meletakkan jawatan seperti di Korea dan Jepun.

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa beliau akan menemui Sultan Selangor berhubung peletakan jawatan Muhammad tidak lama lagi.

Mengenai calon pengganti, Perdana Menteri berkata beliau belum membuat keputusan mengenainya.

Muhammad yang meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Isnin lalu, menghadapi dua tuduhan di mahkamah Brisbane, Australia, berhubung RM2.4 juta yang cuba dibawanya keluar dari negara itu pada Disember lalu.

(END)